1. (a) Nyatakan sama ada prinsip perakaunan dipatuhi atau tidak dipatuhi bagi setiap situasi di bawah dan huraikan prinsip berkenaan.

(i) Pengurus Syarikat Canola Bhd membuat keputusan menukar kaedah penentuan susutnilai aset tetapnya kepada kaedah baki berkurangan pada tahun semasa selepas dua tahun mengamalkan kaedah garis lurus.

(ii) Pn Kamsiah isteri pemilik Kedai Runcit Serbaneka menggunakan wang perniagaan untuk membeli komputer bagi keperluan anaknya di Kolej Matrikulasi Sintok.Kedah. Perkara ini telah direkodkan sebagai belanja perniagaan

(iii)Pengurus Syarikat Intan Berhd mengarahkan akauntan merekodkan nilai tanah RM150.000 mengikut nilai pasaran. Kus asal tanah ialah RM100.000 dan lebihan daripada penilaian semula dinyatakan sebagai keuntungan tahun semasa.

[6]

(b) Pada 1 April 2020, Rahim menubuhkan syarikat guaman yang terletak di Perak. Syarikat ini menyelaras akaunnya pada setiap hujung bulan. Imbangan duga telah disediakan pada 30 April 2020 seperti yang berikut:

Syarikat Rahim

Imbangan Duga pada 30 April 2020

	RM	RM
Tunai		10,000
Insurans prabayar	4,500	
Sewa pejabat prabayar	5,100	
Bekalan pejabat	2,500	
Kelengkapan pejabat	28,200	
Nota belum bayar		12,000
Yuran belum diperoleh		5,000
Modal Rahim		20,000
Ambilan Rahim	4,500	
Hasil yuran guaman		2,500
Belanja gaji	3,400	
Belanja am	1,300	
	49,500	49,500

Maklumat tambahan :

(1) Faedah belum bayar pada 30 April 2020 ialah RM 250.

(2) Satu polisi insurans telah dibeli pada 1 April Premium sebanyak RM4,500 telah dibayar untuk perlindungan selama 6 bulan.

(3) Pada 30 April,perkhidmatan yang berharga RM5,300 telah diberikan kepada pelanggan tetapi belum lagi dicatatkan dalam rekod perakaunan.

(4) Syarikat ini telah menyewa sebuah pejabat pada kadar RM1.700 sebulan. Sewa selama 3 bulan telah dibayar dan nilai ini dimasukkan di dalam Akaun Sewa Pejabat Prabayar.

(5) Bekalan pejabat yang masih belum digunakan ialah RM1,800.

(6) Sepanjang bulan April jumlah deposit RM6.800 yang telah dibayar oleh pelanggan, telah diberi perkhidmatan guaman.

(7) Kelengkapan pejabat yang dibeli pada 1 April disusutilaikan dengan kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia guna selama 10 tahun.

Dikehendaki:

(i) Sediakan catatan jurnal pelarasan [9]

(ii) Penyata Pendapatan Komprehensif bagi bulan berakhir 30 April 2020 [5]

2 a) Syarikat Andaman Biru Berhad menguruskan inventori berdasarkan sistem inventori berterusan. Berikut adalah urusniaga yang berlaku sepanjang bulan Mac

Tarikh		Belian	Tarikh		Jualan
Mac	5	1,000 @ RM 10.00	Mac	10	1,200 @ RM 25.00
	23	2,200 @ RM 10.50		28	2,000 @ RM 25.00

Maklumat tambahan:

(1) Semua urusniaga secara kredit,
(2) Inventori pada 1 Mac 2020 berjumlah 500@ RM9.30

Dikehendaki

(i) Hitungkan nilai inventori akhir dan kos barang dijual dengan menggunakan kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu(MDKD) dan Masuk Kemudian Keluar Dulu (MKKD) [5]

b) Berikut adalah urusniaga berkaitan aset tetap untuk bulan Januari 2020 bagi Axia Bhd.

Jan	1	Membeli mesin beharga RM65000 dengan dengan membayar tunai RM15,000 dan bakinya akan dibayar dengan menandatangani satu nota belum bayar degan kadar faedah 6% setahun. Nota belum bayar ini akan matang dalam tempoh enam bulan Bayaran tambahan sebanyak RM1.800 iaitu kos pengangkutan RM1,300 dan kos pemasangan RM500 juga dibuat secara tunai.
	13	Sebuah van syarikat yang mempunyai kos RM80,000 dan nilai buku RM30,000 telah ditukarkan dengan sebuah van milik Putera Bhd. Nilai saksama van Putera Bhd. adalah RM40,000 dan elaun tukar niaga adalah sebanyak RM20,000.

Dikehendaki:

(i) Sediakan catatan jurnal sepanjang Januari 2020 bagi Axia Bhd. [5]

3 (a) Nyatakan **dua** perbezaan antara liabiliti terima dahulu dengan liabiliti belum bayar, berserta **satu** contoh yang sesuai bagi setiap liabiliti itu. [3]

(b) Perniagaan Sofiya menjual peralatan elektrik buatan Malaysia. Perniagaan Sofiya menggunakan sistem inventori berterusan bagi merekod inventorinya. Berikut adalah petikan bahagian liabiliti bagi penyata kedudukan kewangan Perniagaan Sofiya pada 30 November 2019:

Butiran	RM
Belanja gaji belum bayar	18,000
Belanja faedah belum bayar	400
Hasil belum terperoleh	15,000
Nota belum bayar 12% (matang tahun 2023)	30,000
Pemiutang	45,000

Urus niaga yang telah berlaku sepanjang bulan Disember 2019 adalah seperti yang berikut:

Tarikh	Urus niaga
1 Disember	Menerima bayaran berjumlah RM7,000 daripada Pemiagaan Catering Deen bagi tempahan 2 unit peti sejuk yang akan dihantar dalam tempoh satu bulan dari tarikh tempahan
7 Disember	Membeli inventori iaitu periuk nasi secara kredit berjumlah RM4,000 daripada Syarikat Pensonic yang diterima dengan syarat kredit ialah 2/10,n/30.
10 Disember	Memulangkan inventori periuk nasi yang tidak menepati warna bernilai RM200 kepada Syarikat Pensonic bagi belian pada 7 Disember
13 Disember	Nota belum bayar 8% bagi tempoh enam bulan bernilai RM12,000 telah diterbitkan untuk tujuan penjelasan haki hutang kepada Syarikat Peralatan Elektrik Kualiti berhad bagi pembelian inventori pada 25 Disember 2018
16 Disember	Menjelaskan baki hutang kepada Syarikat Pensonic untuk urus niaga pada 1 Disember
27 Disember	Menghantar mesin basuh yang ditempah dan telah dijelaskan bayaran berjumlah RM3,000 pada bulan November 2019 dengan penetapan untung kasar atas jualan mesin basuh tersebut ialah 50% atas kos.
31 Disember	Mengakru faedah atas nota belum bayar untuk bulan Disember 2019

Dikehendaki:

(i) Sediakan catilan jurnal untuk merekodkan urus niaga di atas. [9]

(ii) Sediakan bahagian liabiliti bagi Penyata kedudukan kewangan Perniagaan Sofiya pada 31 Disember 2019. [8]

5. a) Nyatakan dua prinsip koperasi [2]

b) Berikut ialah Imbangan Duga koperasi Rebung Muda Berhad pada 31 Disember 2019

	Debit(RM)	**Kredit(RM)**
Modal yuran		350 000
Modak saham		250 000
Pendapatan tertahan		125 406
Kumpulan Wang Rizab Berkanun		100 560
Tabung Kebajikan Ahli		2 718
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan		5 890
Akaun Rizab Modal		12 890
Jualan		909 296
Kos Jualan	433 380	
Belanja mesyuarat agung	15 700	
Belanja gaji pekerja	185 600	
Belanja utiliti	19 490	
Belanja pejabat	21 390	
Faedah pinjaman	12 000	
Elaun ahli lembaga pengarah	15 000	
Elaun juruaudit dalam	1 500	
Belanja pelbagai	14 500	
Komisen diterima		15 600
Derma	29 600	
Pelaburan	523 900	
Peralatan	345 000	
Susut nilai terkumpul peralatan		23 800
Tunai di pejabat	1 870	
Tunai di bank	145 890	
Akaun Belum terima		69 590
Pinjaman bercagar (kadar faedah 8%)		150 000
Inventori pada 31 Disember 2013	161 530	
	2 015 850	2 015 850

Maklumat tambahan :

i. Polisi koperasi menetapkan bahawa semua peralatan disusut nilai pada kadar 10% setahun

ii. Pelaburan yang dibuat adalah bagi tempoh jangka masa yang panjang

iii. Peruntukan zakat perniagaan RM3500 ditetapkan oleh Pusat zakat Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta